



PELAN STRATEGIK JAWHAR 2017 - 2020

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI | JABATAN PERDANA MENTERI
(JAWHAR)



Bersama Memacu Transformasi Ummah
www.jawhar.gov.my

**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA MALAYSIA 2017**

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) 2017

Cetakan Pertama 2017

Hak cipta terpelihara.

Dilarang mengeluarkan semula mana-mana bahagian di dalam penerbitan ini atau mengubah dalam apa jua bentuk atau cara, samada elektronik atau mekanikal, termasuklah fotokopi, rakaman atau mana-mana sistem storan, tanpa keizinan bertulis daripada penerbit.

ISBN 978-983-43303-6-1

Diterbit oleh:

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji,
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 8 - 9 , Blok D, No 3, Jalan Tun Abdul Razak,
Kompleks Islam Putrajaya, Presint 3,
62100 Putrajaya
Tel: 03-8883 7400 Fax: 03-8883 7406

Disusun dan dicetak oleh:

Produksi Nur-Johan Sdn. Bhd.
5A & 7A, Jalan Perindustrian Ringan Silibin 1,
Kawasan Perindustrian Ringan Silibin,
30100 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
Tel : 05-527 7808/1808
Faks : 05-528 3808
Emel : aidanurjohan@yahoo.com
www.nurjohan.com

Kandungan

SEULAS PINANG JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)	6
BAB 1: PENDAHULUAN	
Sejarah JAWHAR	8
Visi & Misi	9
Objektif & Fungsi	9 -10
Piagam Pelanggan	11
Motto & Slogan	11-12
Kod Etika	12
Singkatan JAWHAR	13
Carta Organisasi JAWHAR	17-19
Pelan Strategik JAWHAR (2017-2020)	22
BAB 2: SENARIO CABARAN JAWHAR MENUJU WAWASAN 2020	
Matlamat Strategik	28
Impian JAWHAR 2020	33
BAB 3: SASARAN STRATEGIK JAWHAR (2017-2020)	
Pemeriksaan Semula Peranan dan Fungsi JAWHAR	38
Perancangan Tahun 2017-2020	39-41
Pelan Strategik JAWHAR (2017-2020)	42
Matlamat	45
BAB 4: PELAN FORMULASI JAWHAR 2017-2020	
Pelan Formulasi	48
Kaedah SWOT dan PESTEL	48-51
Memenuhi Pihak Berkepentingan	52
Isu dan Cabaran	53
Komitmen dan Kesiapsagaan	56
BAB 5: STRATEGIK PELAKSANAAN JAWHAR 2017-2020	
Teras Strategik	60
Pelan Tindakan Strategik	61
BAB 6: PEMANTAUAN PELAKSANAAN BERKESAN DAN KAJIAN SEMULA JAWHAR 2017-2020	
Pemantauan Pelaksanaan	70
Pemantauan Berterusan	70
Kajian Semula Pelan Strategik JAWHAR	71
BAB 7: PENUTUP	
Kesimpulan	78



Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009: Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia

Kementerian, Jabatan dan Agensi perlu mewujudkan dan mendokumenkan Pelan Strategik jangka panjang, sederhana dan pendek. Pelan ini hendaklah dimaklumkan kepada seluruh warga kerja Kementerian, Jabatan dan Agensi masing-masing



Petikan ucapan YBhg. Tan Sri Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara

Dalam pemikiran secara '*Big Picture Thinking*', idea-idea baru ditimbulkan walaupun ianya mungkin ekstrim dan tidak konvensional. Dalam membuahkan idea-idea ini, pegawai perlu berfikir secara inovatif dan kreatif dan tidak gentar untuk melaksanakan idea-idea tersebut.



Petikan ucapan YBrs. Tuan Haji Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman, Ketua Pengarah JAWHAR

Cabaran untuk membangunkan ummah melalui pemantapan pengurusan wakaf, zakat, mal dan haji adalah satu cabaran yang memerlukan keikhlasan, komitmen, kebijaksanaan dan usaha yang sistematik. Ianya bukan sahaja memerlukan pengurusan yang bersifat pragmatik, proaktif dan dinamik, tetapi mestilah didukung juga dengan modal insan yang bersifat luhur akhlak dan budi yang tinggi.



"Kita perlu berusaha dan terus berusaha meningkatkan daya saing kita. Kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam adalah faktor penentu keupayaan kita untuk bersaing di arena antarabangsa, sekiranya sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan (Government Service Delivery System) di dalam negara hambar maka daya saing kita akan turut lemah dan tumpul."

*- Y.A.B. Tun Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
Mantan Perdana Menteri Malaysia*

"Harta wakaf telah terbukti mampu berfungsi sebagai satu instrumen yang amat berkesan dan membantu perkembangan ekonomi umat Islam"

**YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia.**

Seulas Pinang

KETUA PENGARAH JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan taufik-Nya, Pelan Strategik Lima Tahun Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dapat disempurnakan perancangannya dan didokumentasikan dalam bentuk penerbitan buku Pelan Strategik JAWHAR (2017-2020) sewajarnya. Perancangan strategik merupakan satu elemen penting di dalam pengurusan sesebuah organisasi. Cabaran pada hari ini adalah jauh lebih hebat daripada era yang lalu, manakala cabaran yang akan muncul pada masa hadapan pula sudah pasti lebih mencabar daripada apa yang ada pada hari ini. Maka kebolehan melihat cabaran, potensi, kekuatan dan kelemahan dengan perspektif yang lebih menyeluruh dan holistik akan menjadi kunci penentu kejayaan pengurusan sesebuah organisasi.

Cabaran untuk membangunkan ummah melalui pemantapan pengurusan wakaf, zakat, mal dan haji adalah satu cabaran yang memerlukan keikhlasan, komitmen, kebijaksanaan dan usaha yang sistematik. Ianya bukan sahaja memerlukan pengurusan yang bersifat pragmatik, proaktif dan dinamik, tetapi mestilah didukung juga dengan modal insan yang bersifat luhur akhlak dan budi yang tinggi. Sistem penyampaian yang berkesan mestilah menjadi objektif produktiviti JAWHAR dan ini memerlukan suatu perancangan yang rapi dan bersifat jangka panjang yang terancang. Penerbitan buku pelan strategik ini sudah semestinya akan menjadi 'blueprint' kepada JAWHAR untuk melaksanakan program dan aktiviti yang mana telah dirancang sedemikian rupa bagi memenuhi sasaran dan matlamat yang diimpikan melalui visi barunya iaitu, "untuk menjadi Jabatan Kerajaan yang terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia".

Pelan strategik ini dikenal pasti sebagai kunci kegemilangan sistem penyampaian JAWHAR. Pelan Strategik ini telah menggariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta tindakan / program yang perlu dilaksanakan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan indikator yang ditetapkan. Pelan strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamannya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Mekanisme khusus akan diwujudkan bagai memantau pelaksanaan pelan strategik ini agar ia dapat dilaksanakan sebagaimana yang dirancang.


Akhir kata, semoga JAWHAR akan terus mencapai kegemilangannya dan sentiasa dirahmati oleh Allah SWT selamanya

TUAN HAJI AHMAD MUSADAD BIN HAJI SULAIMAN



Bab 1

PENDAHULUAN



Sejarah JAWHAR

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah diisytiharkan penubuhannya pada 27 Mac 2004 bersamaan 6 Safar 1425H oleh Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi (kini Y.A.Bhg. Tun) semasa mengumumkan barisan baharu Jemaah Menteri bagi Kerajaan Malaysia untuk Penggal Ke-11.

Penubuhan jabatan ini merupakan titik permulaan dalam usaha Kerajaan Persekutuan mempertingkatkan harta Umat Islam dan memanfaatkannya sebagai sumber sosio-ekonomi Ummah pada masa hadapan.

Iltizam (mantan) Perdana Menteri itu dizahirkan lagi dalam ucapan beliau sewaktu melancarkan Rancangan Malaysia Ke-9 pada 31 Mac 2006 di Dewan Rakyat:

“Di samping itu, kita akan membangunkan sumber modal Bumiputera, seperti **tanah dan harta wakaf** di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama Islam negeri. Pihak berkuasa agama Islam negeri perlulah mengambil tanggungjawab **fardu kifayah, berperanan aktif membangunkan ekonomi umat Islam** dan membantu usaha pembangunan insan”.

Pelancaran rasmi JAWHAR telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Seri Dr Abdullah bin Md Zin (kini Tan Sri), Menteri di Jabatan Perdana Menteri (yang bertanggungjawab ke atas hal-ehwal Islam), ketika itu, pada 8 Oktober 2004 bersamaan 23 Syaaban 1425H, bertempat di Dewan 2, Aras Concourse, Pusat Konvensyen Putrajaya.

Di dalam ucapan perasmianya, Y.B. Menteri menegaskan hasrat Kerajaan seperti berikut :

“Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat & Haji ini bertujuan untuk **memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan**. Ia juga bermaksud untuk **meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan** ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang”.

Visi

Menjadi sebuah jabatan Kerajaan terunggul dalam memacu kemajuan Ummah menerusi pengukuhan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/ Umrah bertaraf dunia.

Misi

Meningkatkan taraf sosio-ekonomi Ummah menerusi pengukuhan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah melalui tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan terbaik

Objektif


Terdapat empat objektif JAWHAR seperti berikut:

- Memperkasa dan memajukan pembangunan sosio-ekonomi ummah
- Mempertingkatkan tadbir urus terbaik ;
- Meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat Islam;
- Menyubur dan membudayakan *turath* (legasi)

Fungsi JAWHAR

Terdapat empat fungsi khusus JAWHAR seperti berikut:

- Merancang, memantau dan menyelaraskan pemodenan dan pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah agar dapat berfungsi dengan lebih berkesan
- Menjalinkan kerjasama pintar dengan agensi-agensi Kerajaan, GLC dan pihak swasta dalam pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah;
- Menjalankan kajian serta penyelidikan, penerbitan dan penyelarasan mengenai isu dan program-program pembangunan khazanah umat Islam supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh ummah
- Merancang dan menyelaraskan keperluan serta keseragaman sistem perundangan bagi pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah



Piagam Pelanggan

JAWHAR beriltizam untuk melaksanakan tanggungjawab dan peranan sebagai jabatan Kerajaan yang terunggul dalam memacu kemajuan ummah melalui pengukuhan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah dengan:

1. Melaksanakan program tahunan Jabatan mengenai institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah dengan menjalin perkongsian pintar dengan MAIN, entiti Zakat negeri, pusat-pusat kecemerlangan tempatan serta antarabangsa dan Lembaga Tabung Haji mengikut jadual yang ditetapkan;
2. Memberikan perkhidmatan sokongan kepada *stakeholders* dan pelanggan secara responsif, cepat dan berintegriti tidak melebihi tempoh 2 hari bekerja;
3. Memberikan khidmat nasihat kepada *stakeholders* dan pelanggan dalam tempoh 1 hari bekerja selepas menerima pertanyaan;
4. Memastikan pembayaran bil-bil dibuat dalam tempoh tidak melebihi 7 hari bekerja; dan
5. Memastikan laman web jabatan sentiasa informatif dan dikemaskini sepanjang masa.

Motto

“Bersama Memacu Transformasi Ummah”

Motto JAWHAR menunjukkan harapan dan semangat JAWHAR dalam memacu transformasi dan pembangunan Ummah melalui pemodenan pentadbiran bidang teras JAWHAR melalui pelaksanaan di peringkat negeri-negeri ke arah peningkatan sosio-ekonomi yang cemerlang secara keseluruhannya.

Slogan JAWHAR

“Bersama Memantapkan JAWHAR”

Slogan JAWHAR (2012-2016) pula membawa pengertian yang sangat mendalam. Slogan ini merupakan seruan kepada setiap warga JAWHAR agar sentiasa bekerjasama dalam setiap perancangan dan perkara yang dijalankan oleh jabatan agar hasil diperolehi adalah yang terbaik dan merupakan hasil paduan usahasama jitu daripada setiap warga JAWHAR. Hasil daya usaha yang berterusan ini mampu memberikan pencapaian yang terbaik dan seterusnya menyumbang kepada matlamat JAWHAR ke arah pembinaan tamadun Ummah. Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab tersebut, setiap warga JAWHAR digesa untuk melaksanakannya dengan kaedah yang terbaik. Ia juga menunjukkan komitmen JAWHAR yang sangat mementingkan kualiti dalam setiap tindakan yang bakal diambil. Walau bagaimanapun slogan ini telah ditambah baik nama dan pengertiannya kepada slogan baharu yang lebih dinamik dan berwawasan. (seperti di halaman 38)

Kod Etika



Rajah 1.1: Kod Etika JAWHAR - HIJRAH

Di samping motto dan slogan, pembentukan jati diri warga JAWHAR turut disandarkan kepada penghayatan dan amalan beberapa nilai serta etika kerja yang dirangkumkan membentuk perkataan HIJRAH serta dijadikan falsafah pengurusan JAWHAR. Prinsip Hijrah ini diterangkan seperti berikut:

Singkatan **JAWHAR**

Perkataan 'JAWHAR' berasal daripada Bahasa Arab yang bermaksud permata yang berharga dan tinggi nilainya. Perkataan JAWHAR itu sendiri melambangkan harapan jabatan untuk menjadi sebuah agensi terunggul dan amat berharga seperti sebutir permata. Perkataan 'JAWHAR' juga sesuai dengan aspirasi JAWHAR untuk menghasilkan *outcome* bermutu tinggi umpama sebutir permata yang amat bernilai, yakni suatu manifestasi keunggulan sebuah jabatan Kerajaan bertaraf dunia.

Perkataan JAWHAR juga melambangkan akronim kepada nama jabatan. **JA** ialah singkatan bagi perkataan **Jabatan**, huruf **W** mewakili **Wakaf** dan huruf **H** mewakili **Haji**. Zakat dan Mal diwakili oleh **HAR** yang disingkatkan daripada perkataan **Harta** iaitu asas kepada pembangunan sosio-ekonomi umat Islam.



Punca Kuasa

Punca kuasa yang membawa kepada penubuhan JAWHAR adalah seperti berikut:

Minit mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Jun 2004 telah menyatakan dalam perkara 15. Hal-hal lain (11) Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Urusan Haji seperti berikut;

“Jemaah Menteri mengambil maklum akan keterangan bahawa mesyuarat untuk membincangkan penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Urusan Haji yang akan diadakan pada 1 Jun 2004 bersetuju dengan nama Jabatan Wakaf, Zakat dan Urusan Haji yang akan menyelaras, memantau dan menyeragam sistem wakaf, Zakat dan Urusan Haji”.

Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No.2) (Pindaan) (No.2) 2009 (P.U. (A) 222).

Senarai perundangan yang berkaitan bidang teras JAWHAR adalah seperti yang digariskan dalam Jadual 4.2 berikut:

Perlembangan Persekutuan

Jadual Kesembilan senarai II, Senarai Negeri, Butiran 1- menyatakan wakaf sebahagian yang berhubungan dengan Islam.

Senarai II—Senarai Negeri

“1. Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahataran, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya;

masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.”

Perkara 3 Fasal 2 – Raja merupakan ketua agama Islam negeri-negeri.

Perkara 74 Fasal 2- Badan Perundangan negeri boleh membuat undang-undang mengenai Islam.

Perkara 12 (2) – Kerajaan Persekutuan boleh menubuh atau menyenggara atau membantu dalam pembiayaan institusi agama Islam.

Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Hal ehwal Islam Negeri

- ★ Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah – wilayah Persekutuan) – Seksyen 60-66.
- ★ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah – Seksyen 52-60.
- ★ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perlis – Seksyen 89-94.
- ★ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pulau Pinang – Seksyen 89-96.
- ★ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perak – Seksyen 78-88.
- ★ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Johor – Seksyen 89-97.
- ★ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Johor Dan Adat Istiadat Terengganu – Seksyen 63-69.
- ★ Ordinan Majlis Islam Sarawak – Seksyen 51-55.
- ★ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pahang – Seksyen 70-78.
- ★ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Sabah – Seksyen 45-66.
- ★ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Johor Dan adat Melayu Kelantan - Seksyen 61-66.

Enakmen Wakaf Negeri

- ★ Enakmen Wakaf Selangor, 1999
- ★ Enakmen Wakaf Negeri Melaka, 2005
- ★ Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005

Enakmen Wasiat Negeri

- ★ Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999
- ★ Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005
- ★ Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2005

Enakmen Zakat Negeri

- ★ Enakmen Zakat Tahun 1374 (1955) Kedah
- ★ Enakmen Zakat Dan Fitrah 1993 (Pindaan 2003)-Negeri Sabah

Kanun Tanah Negara (KTN)

- ★ Seksyen 4(2) – Peruntukan KTN tidak terpakai kepada tanah wakaf
- ★ Seksyen 5 – Amanah tidak termasuk wakaf
- ★ Seksyen 76 – Pengertian pemberimilikan
- ★ Seksyen 416C – Peruntukan Peletakhakan tanah

Akta – akta berkaitan

- ★ Akta Fungsi – fungsi Menteri 1969
- ★ Perintah Menteri – menteri Persekutuan
- ★ Akta Industri Perlancongan 1992, Kementerian Pelancongan (MOTAC)
- ★ Kanun Keseksaan
- ★ Kanun Acara Jenayah
- ★ Akta Syarikat 1965
- ★ Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001
- ★ Akta Perlindungan Pengguna 1999
- ★ Akta Lembaga Tabung Haji 1995

Punca Kuasa Jawhar


- ★ Pekeliling/Surat Pekeliling Am
- ★ Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan
- ★ Akta/Undang-Undang Persekutuan Jabatan Perdana Menteri
- ★ Jemaah Menteri
- ★ Perintah
- ★ Menteri-Menteri Persekutuan
- ★ Akta/ Fungsi-Fungsi Menteri 1969
- ★ Pekeliling/Surat Pekeliling Perkhidmatan
- ★ Dasar-Dasar Awam

CARTA ORGANISASI JAWHAR

JAWHAR diketuai seorang Ketua Pengarah dengan dibantu oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah dan disokong oleh 76 anggota terdiri dari pelbagai kumpulan dan gred jawatan. JAWHAR kini dibahagikan kepada 3 bahagian teras dan 1 bahagian Sokongan mengikut fungsi seperti dalam carta organisasinya seperti rajah 1.2 :



Carta Organisasi JAWHAR



Rajah 1.2: Carta Organisasi JAWHAR



PENGARAH

Unit Integriti & Komunikasi Korporat
 Pn. Lizah binti Ismail
 PHEI S44

Bahagian Baitulmal
 Pn. Asrul Shuhada binti Mohd Salleh
 PTD M52

Bahagian Baitulmal
 Pn. Hasanah binti Badrul
 PTD M48

Unit Zakat
 En. Murid Fadzli bin Musa
 PHEI S41

Unit Sumber Am
 Pn. Nurul Ain binti Mohd Harudin
 PTD M41

Unit Sumber Am
 Pn. Hafizah binti Abdul Shukor
 PHEI S44

Unit Pentadbiran
 Cik Julia binti Mohd Nasir
 PTD N41

Unit Sumber Manusia & Latihan
 Pn. Norlizah binti Mainoordin
 PTD M44

Unit Kewangan
 Pn. Kamalia binti Kamaruddin
 W44

Bahagian Khidmat Pengurusan (Kosong)
 PTD M52
 Dipinjamkan ke JPM

Seksyen Pengurusan & Kewangan
 Pn. Zakiah binti Ahmad@Ahmadiyah
 PTD M48

Seksyen Teknologi Maklumat
 Pn. Afidah binti Haji Mohd Esa
 F48

Seksyen Teknologi Maklumat
 Pn. Nurul Ain binti Mhd Sharif
 F44





Pelan Strategik JAWHAR (2017- 2020)

Setelah ditubuhkan pada tahun 2004, telah wujud keperluan bagi JAWHAR untuk membuat perancangan strategiknya bagi jangka masa pendek dan panjang. Perancangan ini amat penting dalam menggariskan program serta aktiviti yang akan dijalankan dalam mencapai matlamat serta halatuju yang telah ditetapkan bagi tempoh masa tertentu.

Sehubungan itu, inisiatif telah diambil oleh pihak pengurusan JAWHAR untuk merangka Pelan Strategik yang menggariskan perancangan secara terperinci bagi tempoh lima tahun JAWHAR dan juga matlamat jangka masa panjang yang ingin dicapai oleh JAWHAR.

Usaha telah digerakkan sejak penghujung tahun 2016 lagi dan hasilnya Pelan Strategik JAWHAR bagi tempoh 2017-2020 telah direalisasikan untuk dijadikan panduan bagi diaplikasikan oleh JAWHAR secara syumul dan holistik.

Natijah pelaksanaan Pelan ini telah membawa banyak perubahan dan transformasi kepada JAWHAR dalam memperkasakan bidang-bidang teras yang menjadi tanggungjawabnya.

Sepanjang tempoh tersebut, JAWHAR telah menerima pelbagai pengiktirafan dan kejayaan termasuk Sistem Pengurusan Kualiti, Pembangunan Hartanah Wakaf di negeri-negeri, sistem pembangunan portal yang dinamik dan sebagainya. Sehubungan itu, pencapaian Pelan ini perlu kepada kesinambungan perancangan yang sistematik untuk satu tempoh masa fasa berikutnya.

**Setelah penubuhannya pada tahun 2004, telah wujud keperluan bagi JAWHAR untuk membuat merencana perancangan strategiknya untuk jangka masa pendek dan panjang. Perancangan ini penting bagi menentukan hala tuju JAWHAR dalam tempoh masa yang tertentu untuk mencapai matlamat yang telah digariskan, menerusi program dan aktiviti yang telah dirangka.*

Sehubungan itu, inisiatif telah diambil oleh pihak pengurusan JAWHAR untuk merangka Pelan Strategik yang menggariskan perancangan secara terperinci bagi tempoh lima (5) tahunnya JAWHAR dan juga di samping matlamat jangka masa panjang yang ingin dicapai oleh JAWHAR.

Pelbagai usaha telah digerakkan semenjak penghujung tahun 2006. Walhasil, satu pelan strategik yang holistik dan syumul, untuk tempoh 2007-2011 telah berjaya direalisasikan untuk dijadikan panduan bagi diaplikasikan oleh JAWHAR. secara syumul dan holistik.

Natijah pelaksanaan Pelan ini telah membawa banyak perubahan dan transformasi kepada JAWHAR dalam memperkasakan bidang-bidang terasnya iaitu wakaf, zakat, mal dan haji/umrah.

Sepanjang tempoh tersebut, JAWHAR telah menerima pelbagai pengiktirafan dan kejayaan termasuk Sistem Pengurusan Kualiti, Pembangunan Hartanah Wakaf di negeri-negeri. Sehubungan itu, pencapaian Pelan ini perlu kepada kesinambungan perancangan yang sistematik untuk satu tempoh masa fasa berikutnya.

Setelah mengambil kira pendekatan dan pencapaian Pelan Strategik 2007-2011 tersebut, maka dirangka pula Pelan Strategik 2012-2016 yang ini dirangka untuk memberi lebih fokus kepada pembangunan bidang-bidang teras tersebut. Pendekatan transformasi dalam pentadbiran kerajaan yang dicetuskan oleh Perdana Menteri, dijadikan panduan agar JAWHAR dapat melangkah lebih jauh ke hadapan bagi dalam usahanya memartabatkan pembangunan sosio ekonomi Ummah di negara ini.

Program pengkayaan ilmu dan pengetahuan berkaitan pengurusan Wakaf, Zakat dan Haji/Umrah disemarakkan dengan penganjuran seminar, bengkel, munaqasyah ilmu dan kursus pada sepanjang tahun. Beberapa seminar peringkat Kebangsaan seperti Konvensyen Baitulmal Kebangsaan, Muzakarah Zakat Kebangsaan, Konvensyen Muamalat Kebangsaan Komunal 1.0 dan sebagainya serta penyertaan di peringkat Antarabangsa seperti International Forum on Al-Wuds Waqf (IFOQW) di Turki juga telah di hadiri oleh bagi menggiatkan usaha ke arah memantapkan intitusi Wakaf Zakat dan Haji/Umrah.

Penerbitan merupakan salah satu program dan medium JAWHAR yang paling sistematik dan konsisten dalam menyampaikan dakwah mengenai Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah kepada masyarakat umum. Garis panduan dan rujukan yang seragam melalui penerbitan manual dan jurnal pengurusannya telah membuktikan bahawa JAWHAR selama ini telah dan sedang berkembang maju sebagai sebuah organisasi yang berperanan untuk meningkatkan kesedaran Umat Islam terhadap 3 rukun utama ibadat dan muamalat mereka iaitu Wakaf, Zakat dan Haji/Umrah.

Sehingga tahun 2017, sebanyak dua puluh dua (22) manual Pengurusan telah diterbitkan manakala sebanyak 140 artikel jurnal yang telah dihimpun dan dibukukan dan diterbitkan dalam Jurnal Pengurusan JAWHAR.

Sejarah pembangunan Negara kita bermula dengan era Dasar Ekonomi Baru (1971-1990). Diikuti kemudiannya dengan era Wawasan 2020 (1991-2020). Kini, kita sedang mempersiapkan diri pula untuk menghadapi cabaran 30 tahun akan datang. Dengan alunan, sorakan dan lantunan gelombang Transformasi Nasional atau lebih dikenali sebagai TN50, JAWHAR perlu bergerak seiring dengan matlamat Kerajaan ini. Justeru, JAWHAR telah melebarkan sayapnya dengan mengadakan kerjasama pintar atau National Blue Ocean Strategy (NBOS) dengan pelbagai agensi seperti IPTA/IPTS, Government Linked Companies (GLC). Setelah mengambil kira pendekatan dan pencapaian Pelan Strategik 2012-2016 tersebut, maka Pelan Strategik 2017-2020 ini dirangka untuk memberi tumpuan yang lebih kepada pembangunan bidang-bidang teras JAWHAR iaitu Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah. Pendekatan transformasi yang dicetuskan oleh pucuk pimpinan tertinggi kerajaan dijadikan panduan agar JAWHAR dapat melangkah lebih jauh ke hadapan bagi memartabatkan pembangunan sosio-ekonomi Ummah di negara ini.





SIJIL

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
ARAS 7, BLOK E2, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang memepati

ISO 9001 : 2008
QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS - Requirements

Skop Pensijilan

PEMBERIAN PERKHIDMATAN:

- 1) URUSAN PEMBANGUNAN TANAH WAKAF;
- 2) URUSAN PENYEDIAAN MAKLUMAT HARGA HARIAN PASARAN EMAS DAN PENENTUAN NILAI NISAB ZAKAT;
- 3) URUSAN PENYELARASAN DAN PENGUKUHAN INSTITUSI MAL;
- 4) URUSAN PENERBITAN MANUAL PENGURUSAN;
- 5) PEMANTAUAN PENGURUSAN OPERASI HAJI;
- 6) PROSES-PROSES SOKONGAN YANG LAIN.

Tarikh dikeluarkan : 14 Oktober 2011
 Tempoh sah : 05 Mac 2010 - 04 Mac 2013
 No. Pensijilan : AR 5128

Khalidah Mustafa
 Khalidah Mustafa
 Pengarah Urusan
 SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
 2, Jalan Sentral 08/02
 Sentral, 40100 Putrajaya
 Selangor Darul Ehsan,
 Malaysia
 Tel: 603-8956 4500
 Fax: 603-8956 4501
 http://www.sirim-qas.com.my
 http://www.sirim-qas.com.my



CERTIFICATE

IONet and SIRIM QAS International hereby certify that

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
ARAS 7, BLOK E2, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA

has implemented and maintains a

QUALITY MANAGEMENT SYSTEM

which fulfils the requirements of the following standard

ISO 9001 : 2008

for the following activities

MATTERS PERTAINING TO:

- 1) MANAGEMENT OF WAKAF LAND DEVELOPMENT;
- 2) PROVISION OF INFORMATION ON DAILY MARKET PRICE OF GOLD AND CALCULATION OF TITHE;
- 3) MANAGEMENT OF MAL INSTITUTION;
- 4) MANAGEMENT OF PUBLICATION OPERATION MANUAL;
- 5) MONITORING AND MANAGEMENT OF HAJJ OPERATION;
- 6) RELATED SUPPORTING PROCESSES.

Issued on : 03 March 2016
 Validity date : 14 September 2018
 Certification Number : MY-AR 5128

Michael Drechsel
 Michael Drechsel
 President of IONet

Khalidah Mustafa
 Khalidah Mustafa
 Managing Director
 SIRIM QAS International Sdn Bhd



Sijil Penghargaan

Sijil ini dianugerahkan kepada

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
Portal E-Khairat

TEMPAT KEDUA
KATEGORI PRODUK HARAPAN

Anugerah Inovasi
Jabatan Perdana Menteri Tahun 2015

Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak
DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
 PERDANA MENTERI MALAYSIA



Jabatan Perdana Menteri

ANUGERAH KECEMERLANGAN
PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
HRMIS TAHUN 2016

★ ★ ★ ★ ★

Kepada

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

Atas Pencapaian Cemerlang

100%
KPI HRMIS TAHUN 2016

Tan Sri Othman Bin Hj Mahmood
TAN SRI OTHMAN BIN HJ MAHMOOD
 Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
 Jabatan Perdana Menteri





Bab 2

SENARIO CABARAN JAWHAR MENUJU WAWASAN 2020




Matlamat Strategik

Cita-cita murni untuk menjadikan JAWHAR sebagai institusi yang berwibawa, cekap dan berkesan dalam pengurusan Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah, telah diterjemahkan di dalam perancangan untuk menjadi sebuah institusi yang unggul di dalam kelasnya tersendiri sehingga ke tahun 2020.

Sehubungan itu, satu wawasan murni jangka panjang Jabatan telah dirangka bagi mencapai impian JAWHAR selaras dengan dasar-dasar utama Kerajaan menjelang tahun 2020. JAWHAR telah menyusun perancangan bagi merealisasikan impian mega Projek JAWHAR 2020 ini melalui tiga (3) fasa yang meliputi tahun pelaksanaannya pada 2007 – 2011, 2012 – 2016 dan 2017 – 2020. Fasa-fasa ini digambarkan melalui **Rajah 2.1** di bawah:

Rajah 2.1: Fasa-Fasa Pelaksanaan Impian JAWHAR 2020



➤ FOKUS DAN PERANAN BAHAGIAN/BIDANG TERAS JAWHAR DALAM FASA MENUJU WAWASAN 2020

WAKAF	FASA 1	<p>Lebih sedekad penubuhan JAWHAR sejak Mac 2004, membawa bersama hasrat kerajaan untuk melihat adanya sebuah agensi persekutuan yang menyelaras pembangunan sumber modal seperti tanah dan harta wakaf dengan kolaborasi Pihak Berkuasa Islam Negeri sebagai langkah proaktif menggerakkan ekonomi umat Islam.</p> <p>Fasa pertama penubuhan JAWHAR menyaksikan pembangunan projek hartanah wakaf melalui pendanaan 16 projek Wakaf bersama Pihak Berkuasa Islam Negeri. Ini telah membuka kesedaran kepentingan pembangunan sosio-ekonomi umat Islam melalui pembangunan tanah wakaf yang lebih komersil dalam menjana hasil dan pulangan kepada umat Islam sendiri.</p>
	FASA 2	<p>Fokus fasa seterusnya akan memberi keutamaan kepada usaha melestari ekonomi umat islam melalui pemerksaan sumber-sumber harta wakaf sedia ada serta sumber-sumber wakaf baru seperti wakaf korporat yang melibatkan pelbagai instrumen kewangan seperti wakaf tunai dan wakaf saham.</p> <p>Mengembleng usaha untuk mempromosi kaedah pendanaan alternatif (seperti Sukuk) untuk Pembangunan hartanah Wakaf bersama-sama MAINS serta pengkomersilan sumber-sumber wakaf yang baru bersama Yayasan Wakaf Malaysia (YWM).</p> <p>Ini adalah selaras dengan hasrat YAB PM sendiri di mana pada 14 Julai 2015 Datuk Seri Najib Tun Razak telah melancarkan subidiari YWM iaitu Perbadanan Wakaf Nasional Bhd (PWNB) dan Program Wakaf Korporat bagi meneruskan usaha kerajaan memperjuang dan memperbaiki tahap ekonomi Bumiputera serta mewujudkan sebuah ekosistem hasil yang mampan.</p>
	FASA 3	<p>Usaha juga akan digerakkan dengan rakan-rakan strategik daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan sektor swasta bagi melihat ruang dalam wakaf pendidikan dan perumahan mampu milik di atas tanah wakaf.</p>

BAITULMAL	FASA 1	Fasa pertama awal penubuhan JAWHAR telah menyaksikan kerjasama erat kolaborasi JAWHAR dan Pihak Berkuasa Islam Negeri melalui penganjuran Bulan Zakat Kebangsaan, Konvoi Kembara Zakat serta penyiaran di TV siaran dokumentari Al-Barokah Ikon Asnaf. Ini adalah diantara kerjasama strategik yang secara langsung menyantuni Asnaf dan MAINS serta memacu transformasi pengurusan zakat antara negerinegeri melalui kaedah perbandingan pengurusan intra-negeri serta penambahbaikan secara berterusan.
	FASA 2	<p>JAWHAR pada fasa seterusnya akan meneruskan usaha <i>engagement</i> dengan seluruh MAINS dan senantiasa komited dalam memastikan keberkesanan pengurusan kutipan serta agihan zakat di seluruh Malaysia dapat dipertingkatkan.</p> <p>Program dari Asnaf kepada Asnaf untuk Asnaf (AAA) iaitu kolaborasi bersama rakan strategik seperti MAINS dan insituti Latihan awam akan dikenalpasti bagi memberi bantuan kepada golongan sasaran dimana lepasan Asnaf yang berjaya akan mengendalikan sesi bimbingan kepada golongan asnaf semasa melalui bengkel, seminar dan bantuan teknikal. Hotel-hotel wakaf JAWHAR-MAINS juga akan diteroka bagi melihat ruang mengadakan Latihan kerjaya asnaf.</p>
	FASA 3	JAWHAR sedar peranan zakat sebagai medium yang sangat signifikan dalam program pembasmian kemiskinan seluruh Negara. Untuk itu usaha-usaha ini akan senantiasa diperkasakan. Melalui medium zakat inilah, JAWHAR berhasrat agar lebih ramai lagi ikon-ikon asnaf yang berjaya keluar dari kitaran kemiskinan dan kedaifan dapat dilahirkan serta ditonjolkan kepada masyarakat.

FASA 1

Kolaborasi JAWHAR dan Tabung Haji (TH) serta agensi strategik yang lain telah menyaksikan penerbitan manual-manual yang menjadi rujukan umat Islam. Antara lain manual tersebut adalah Manual Pengurusan Haji Ifrad, Haji Tammattu dan Haji Qiran, Manual Pengurusan Badal Haji, Manual Pengurusan Dam Haji dan Manual Pengurusan Perkhidmatan Umrah.

Dalam usaha menangani persepsi terhadap Tadbir urus Haji dan Umrah, JAWHAR akan senantiasa bekerjasama dengan TH selaku pemilik Akta Tabung Haji 1995 dan Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTAC) selaku Pemilik Akta Industri Pelancongan 1992. Persepsi penggiliran jemaah haji, penipuan badal haji dan umrah adalah antara cabaran-cabaran dalam Tadbir urus Haji dan Umrah.

FASA 2

Fokus JAWHAR pada fasa seterusnya adalah bekerjasama erat dengan TH dan MOTAC untuk menangani persepsi dan cabaran Tadbir urus ini. Dalam pengurusan Umrah, JAWHAR telah dilantik sebagai ahli Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) yang bertanggungjawab memberi input muamalat dan ibadah serta panduan dan semakan syarikat Muassasah. Selain portal dan aplikasi mobil i-umrah www.jawhar.gov.my/umrah, JAWHAR telahpun mengadakan Kursus Wajib Pemantapan Pengendalian Pakej Umrah (Umrah Specialized Enhancement Course- USEC) dengan kerjasama Institut Profesional BaitulMal (IPB).

Disamping itu persijilan Mutawwif Umrah dan Ziarah melalui Sijil Kemahiran Malaysia (Jabatan Pembangunan Kemahiran-Darul Quran- MOTAC-JAWHAR) turut ditawarkan sebagai persijilan opsyenal kepada pengendali-pengendali umrah dan ziarah. Siri-siri taklimat panduan pengguna bagi membasmi penipuan pakej umrah akan diteruskan bersama-sama MOTAC. Isu-isu badal haji juga akan terus dibincangkan di bawah kerangka MKSU.

FASA 3

JAWHAR juga melihat ruang kerjasama dengan TH untuk pengurusan persepsi dan usaha-usaha penambahbaikan pengurusan jemaah dengan mengambil kira perbandingan pengurusan ijtimak Tongi dan jemaah umrah. (Kuota Jemaah Haji Malaysia adalah 27,000 orang berbanding jemaah umrah Malaysia seramai 226,000 orang - 2016.

Di samping itu ijtimak Tongi mencatatkan lebih 3 juta jemaah berbanding jemaah Haji dunia seramai 1,862,909 – 2016)



Impian JAWHAR 2020

Impian JAWHAR 2020 menetapkan hala tuju untuk menjadikan JAWHAR sebuah Jabatan yang dapat memacu transformasi dan keunggulan di dalam bidang Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah. Peranan JAWHAR akan lebih menyerlah di dalam tindakannya sebagai pemberi khidmat kepada institusi sedia ada dengan memudah cara, membantu, menyelaras dan melengkapkan usaha ke arah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan. Dengan erti kata lain, JAWHAR telah menyediakan satu platform untuk menyatukan hasrat seluruh umat Islam dengan memacu sosio-ekonomi ummah melalui bidang-bidang teras.

Pada tahun 2020, JAWHAR dapat mewujudkan di kalangan MAIN dan entiti Wakaf yang mampu mendokong sistem pendidikan sehingga peringkat tertinggi di bawah pembiayaan dana Wakaf. Menyedari bahawa pada masa ini pendidikan memerlukan kos yang tinggi dan terus meningkat dari semasa ke semasa, sehubungan itu sistem Wakaf akan dapat membantu golongan tersebut dengan menyediakan dana pendidikan melalui biasiswa bagi melahirkan tenaga-tenaga pakar dalam pelbagai bidang kritikal yang diperlukan negara.

Pada penghujung tempoh tersebut, terdapat juga kerancangan projek-projek fizikal di dalam bidang Wakaf, Zakat dan Mal. Pengembangan dan kemajuan fizikal di dalam bidang tersebut mula dibuktikan serta telah berjaya menarik minat golongan hartawan Muslim untuk bersama-sama menyalurkan sumbangan dan dana untuk tujuan tersebut. Di dalam masa yang sama undang-undang berkaitan dan kaedah-kaedah yang diguna pakai telah mula seragam dan dinamik.

Pada tahun 2020, institusi Baitulmal diharap dapat kembali berfungsi seperti mana zaman kegemilangannya untuk memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada pembangunan sosio-ekonomi dan kesejahteraan ummah.

Impian ini akan dapat dicapai sekiranya semua mekanisme pelaksanaannya berada pada tahap terbaik termasuk warga kerja JAWHAR, organisasi, masyarakat dan negara. Ianya ditunjukkan sebagaimana **Rajah 2.2** di bawah:

WARGA KERJA JAWHAR

- Warga kerja berakauntabiliti dan berintegriti yang menghayati nilai-nilai *mahmudah*.
- Tadbir urus terbaik melalui warga kerja berilmu, beriman dan bertaqwa.

ORGANISASI

- Pusat kecemerlangan dalam bidang teras di peringkat negara dan antarabangsa
- Pusat rujukan utama dalam bidang teras.

MASYARAKAT

- Kesedaran yang tinggi mengenai kepentingan Institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah dalam pembangunan sosioekonomi ummah.
- Pembangunan masyarakat Islam yang maju dan progresif.

NEGARA

- Model pembangunan sosio-ekonomi umat Islam untuk seluruh dunia.
- Meningkatkan penguasaan ummah dalam bidang ekonomi.

Rajah 2.2: Impian JAWHAR 2020

Kejayaan membentuk satu organisasi yang mampan serta kekal relevan merupakan aspirasi seluruh warga kerja JAWHAR untuk memartabatkan bidang-bidang teras yang telah dipertanggungjawabkan. Keupayaan membentuk modal insan kelas pertama yang mampu menggunakan pengetahuan dan pengalaman secara proaktif, inovatif dan responsif serta mahir dalam bidang pengurusan berkaitan hal ehwal Wakaf, Zakat, Mal dan Haji merupakan satu cabaran JAWHAR dalam menyumbang kegemilangan negara dan umat Islam seluruhnya. JAWHAR bercita-cita besar untuk menjadikan Malaysia sebagai hab keterbilangan di dalam bidang Wakaf, Zakat, Mal dan Haji yang akan menjadi model kepada dunia Islam seluruhnya.

Cabaran membentuk sebuah organisasi yang melebihi kebiasaan dan terbaik bukanlah suatu yang mustahil. Perancangan yang teliti telah dibuat dan memerlukan komitmen seluruh warga bagi menzahirkannya. Kejayaan JAWHAR bukanlah kejayaan sebuah organisasi semata-mata malahan lebih dari itu merupakan kejayaan umat Islam seluruhnya.








Bab 3

SASARAN STRATEGIK JAWHAR 2017 - 2020



A. Pernerkasaan Semula

Peranan dan Fungsi JAWHAR

Untuk menjadi sebuah Jabatan yang terunggul dalam bidang wakaf, zakat dan Haji/umrah, JAWHAR telah meneruskan usaha dalam pelbagai aktiviti yang melibatkan peringkat persekutuan dan negeri. Mengenali kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman di sekelilingnya sebelum ini, JAWHAR telah mengubah azam dan perjuangan ke arah usaha yang lebih dinamik dan berkesan. Dalam tempoh 2017-2020 inilah, JAWHAR nyata lebih bersifat *itqan* (yakin) dalam usaha mengembalikan kegemilangannya dalam menuju Wawasan 2020.

JAWHAR telah membuat perubahan yang ketara terhadap gerak kerja dan kaedah pelaksanaan hala tuju yang termasuk membuat perubahan kemas terhadap perkara seperti berikut:

Motto :

“BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI UMMAH”

Slogan:

**“BERSAMA MEMBERDAYA KEKUATAN JAWHAR”
“BERSAMA MEMARTABATKAN UMMATAN WASATAN”**

**Memperkasa
dan memajukan
pembangunan ekonomi
ummah**

**Mempertingkatkan
tadbir urus terbaik
institusi wakaf, zakat,
mal dan haji/umrah
dengan kerjasama
negeri-negeri dan
agensi-agensi berkaitan**

Objektif:

**Meningkatkan kesedaran
dan kefahaman
masyarakat Islam**

**Menyubur dan
membudayakan
turath (legasi) amalan
berwakaf**

Di dalam melengkapinya fasa akhir menuju Wawasan 2020, semua aspek kekuatan JAWHAR dirangka dan dikumpul semula untuk menjadikannya lebih responsif, cepat dan pada masa yang sama berintergriti. Hala tuju strategik diperkemas semula dalam memastikan perancangannya menepati sasaran.

Perancangan Tahun 2017-2020

1. NBOS STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS)



Peluasan kerjasama erat bersama Majlis Agama Islam Negeri



Pemeriksaan Yayasan Wakaf Malaysia



Pemantauan Jemaah Haji/Umrah yang sistematik



Pengemaskinian Pengurusan Manasik Umrah

2. PROJEK IKONIK/ SIMBOLIK TAHUN 2017-2020

Bahagian	Projek semasa	Projek cadangan tahun 2017-2020
WAKAF	<ol style="list-style-type: none"> 1.17 projek bersama MAIN 2. Penyelarasan Enakmen Wakaf Negeri 3. Geospasial 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Manual Wakaf Pendidikan 2. Pendanaan sukuk untuk projek wakaf MAIN 3. Peluasan Geospasial MAIN 4. Pengumpul Dasar Wakaf Kebangsaan
BAITULMAL	<ol style="list-style-type: none"> 1. Konvoi Kembara Zakat (KKZ) 2. Konvensyen Baitulmal Kebangsaan (KBK) 3. Karnival Usahawan Asnaf (KUA) 4. Dokumentari Al-Barokah 5. Portal dan aplikasi e-Khairat 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program dari Asnaf kepada Asnaf iaitu gerakan bantuan lepasan asnaf kepada golongan asnaf semasa (seminar, bantuan teknikal dan bimbingan) 2. Pengumpul Dasar Zakat Kebangsaan
BPKA	<ol style="list-style-type: none"> 1. JAWHAR Intellectual Discourse (JID) 2. Portal & Aplikasi i-Umrah 3. Ahli Majlis Kawal Selia Umrah 	MoU & Kerjasama Strategik Kajian Teras Jawhar
BKP/SM/Kewangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Apps JAWHAR 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Baju Korporat JAWHAR 2. Booth Korporat JAWHAR 3. Video Korporat JAWHAR

3. KAJIAN SEMULA RESOLUSI KE ARAH PEMERKASAAN SEMULA FUNGSI DAN PERANAN JAWHAR

WAKAF

PENGUKUHAN INSTITUSI WAKAF MELALUI PENYELARASAN DAN KERJASAMA PINTAR

1. Peningkatan pemilikan aset Umat Islam melalui Pembangunan projek Hartanah Wakaf menerusi Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK-11)
2. Pewujudan kerjasama JAWHAR dengan MAIN/YWM bersama GLC/Bank/ Syarikat Swasta bagi pembiayaan pembangunan untuk mengurangkan kebergantungan MAIN kepada dana Kerajaan.
3. Penyelarasan pewujudan entiti Perbadanan yang kelima di negeri- negeri yang telah bersedia membangunkan hartanah wakaf di MAIN (*Investment Arm* sedia ada ialah Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan).
4. Sistem maklumat wakaf menerusi *Geographical Information System* (GIS) ke atas tanah wakaf di seluruh Malaysia agar satu sistem rekod tanah dan harta wakaf yang komprehensif di kemaskinkan
5. Penganjuran Bengkel, Seminar, Konvensyen dan Pameran mengenai wakaf
6. Penyelarasan Enakmen Wakaf bagi mewujudkan sistem tadbir urus wakaf terbaik di MAIN
7. Penerbitan manual dan kajian wakaf untuk mewujudkan sistem tadbir urus terbaik yang seragam sebagai garis panduan dan rujukan MAIN

BAITULMAL

RESOLUSI KONVENSYEN BAITULMAL KEBANGSAAN

1. Cadangan penubuhan **Baitulmal Muslimin**
2. Peranan Baitulmal di peringkat negeri dan negara perlu diperhebatkan melalui kaedah perbadanan atau pengkorporatan.
3. Sinergi di antara MAIN-MAIN, institusi-institusi kewangan Islam dan institusi-institusi lain berkaitan
4. Elemen pendedahan (*disclosure*) yang berasaskan kepada prinsip-prinsip akauntabiliti dan ketelusan

RESOLUSI MUZAKARAH ZAKAT KEBANGSAAN 2017

1. Keperluan untuk mewujudkan Akta/Enakmen berkenaan Zakat di peringkat Persekutuan/Negeri

BAHAGIAN PENYELIDIKAN & KERJASAMA ANTARABANGSA

PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN RUJUKAN UNTUK AKTIVITI HAJI/UMRAH

1. Menjadi pusat rujukan utama dalam penyelarasan dan penyeragaman peraturan dan undang-undang berkaitan haji dan umrah (muzakarah TH, USEC/ IPB-JAWHAR), akademi mutawwif.
2. Memberi pandangan kedua kepada YB menteri berkaitan urusan Tabung Haji dan umrah (Memorandum Jemaah Menteri, Lawatan Haji, Akta Tabung Haji, Akta Industri Pelancongan)
3. Memperkasa Pengurusan Kualiti JAWHAR melalui persijilan MS ISO 9001-2015

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

MENINGKATKAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DALAM PELAKSANAAN BIDANG TERAS DEMI KEMASLAHATAN UMMAH

1. Memantapkan budaya berpasukan yang berprestasi tinggi, berinformasi dan berdaya saing (BKP)
2. Memperkasakan sistem penawaran perkhidmatan (ICT)
3. Memperkasakan sistem penyebaran maklumat yang berkesan (UIKK)



B. Implementasi dan Mekanisme Pelan Strategik JAWHAR (2017 – 2020)

a

Analisis

b

Hala Tuju

c

Perancangan

d

Pelan Tindakan

e

Pemantauan & Semakan

a

Analisis

Secara keseluruhannya JAWHAR perlu menilai semula pencapaian Pelan Strategik yang lalu iaitu bagi tahun 2012-2016 sebelum membuat sebarang perancangan baru bagi Pelan Strategik tahun 2017-2020. Ia bertujuan untuk melihat semula kekuatan, kelemahan, peluang serta ancaman yang dihadapi termasuk punca kuasa dan pelbagai isu setiap teras yang masih belum diselesaikan atau yang masih perlu diteruskan untuk perancangan pada masa akan datang.

Pegawai Penyelaras setiap Bahagian Teras juga perlu memberikan laporan-laporan terperinci setiap program atau aktiviti yang dilaksanakan pada setiap masa dan membuat *post-mortem* terhadapnya untuk memperbaiki kesilapan-kesilapan yang berlaku daripada berulang semula.

b

Hala Tuju

Hala tuju JAWHAR hendaklah jelas selari dengan visi, misi, objektif dan fungsi yang telah ditetapkan dalam membuat perancangan bagi tempoh 2017-2020 dengan mengambil kira penglibatan dan sumbangan keseluruhan Bahagian Teras dan Bahagian sokongan bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

JAWHAR perlu merencana semula hala tuju yang terbaik dalam memastikan kejayaan Jabatan ke arah mencapai matlamatnya selepas mengambil kira kelebihan, kekurangan, kekuatan dan kelemahan mahupun halangan-halangan yang telah lalui sepanjang fasa yang lalu.

c

Perancangan

Perancangan strategik hendaklah dibuat bagi memenuhi aspirasi serta ekspektasi “*stakeholder*” dan pelanggan JAWHAR agar pelbagai pilihan penyelesaian strategik dapat diaplikasikan. Perancangan juga perlu selari dengan hasrat dan hala tuju strategik sebenar JAWHAR.

Pucuk pangkal kejayaan bergantung kepada kebolehpupayaan perancangan para penyelaras di Bahagian-Bahagian Teras yang bertindak sebagai ejen pengawal Sasaran Kerja Tahunan JAWHAR. Pengurusan tertinggi pula bertindak sebagai pengemudi yang akan membawa usul dan agenda JAWHAR kepada pengetahuan pihak “*stakeholder*” sebelum ia dilaksanakan. Faktor kesalingan kedua-dua elemen penting JAWHAR memainkan peranan utama dalam menghasilkan natijah yang disasarkan.

d

Pelan Tindakan

Pada peringkat ini, pelbagai tindakan strategik berupa aktiviti dan program ditetapkan untuk mengatasi isu dan keperluan setiap bidang teras. Penanda aras bagi setiap aktiviti dan program yang ditetapkan adalah penting dalam fasa pelaksanaan untuk dijadikan rujukan dan semakan bagi tujuan pemantauan.

Pegawai penyelarasa perlu bijak menggunakan masa dan peluang untuk menggerakkan jentera kekuatan JAWHAR dan pada masa yang sama harus memastikan transformasi ummah dapat dicapai selari dengan kehendak “*stakeholder*”.

Pelan Tindakan perlu seiring dengan Perancangan dan Hala Tuju JAWHAR bagi memastikan pelaksanaan yang diambil adalah berkesan.

e

Pemantauan & Semakan

Pada peringkat ini, pelaksanaan Pelan Strategik JAWHAR (2017-2020) akan dipantau dan dibuat semakan berkala untuk memastikan ia dilaksanakan secara berkesan. Pegawai penyelarasa di setiap bahagian perlu memberi perhatian dan membuat pemantauan secara berkala ke atas setiap aktiviti dan program yang dilaksanakan agar matlamat dan impian JAWHAR dalam menuju Wawasan 2020 dapat dicapai.

Laporan yang disediakan oleh pegawai penyelarasa akan dikemukakan pada setiap minggu dan pada setiap bulan di dalam Mesyuarat Pengurusan dan juga Mesyuarat Mingguan yang diadakan bersama pihak Pengurusan Tertinggi JAWHAR. Melalui saluran itu, semakan terperinci tentang aktiviti dan program yang dijalankan oleh setiap bahagian akan dinilai semula dan ditambah baik dari masa ke masa sebelum ia diaudit oleh pihak yang dalaman JAWHAR dan juga pihak luaran yang berkaitan. Semakan ini amat perlu bagi mengenal pasti keberkesanan aktiviti dan program yang di telah di adakan dan bagi tujuan penambahbaikan yang berterusan.

Setiap minggu	Pelaporan aktiviti dan program yang di adakan oleh pegawai penyelarasa di setiap bahagian
Setiap bulan	Semakan dan penilaian oleh pihak Pengurusan Tertinggi
Setiap 6 bulan sekali	Membuat penambahbaikan ke atas aktiviti-dan program yang telah dikenalpasti bermasalah atau tidak memuaskan.

C. Matlamat

Pelan Strategik JAWHAR (2017-2020) merangkumi idea konkrit dan perancangan rapi yang meliputi fasa-fasa penyediaan, analisis, hala tuju, teras-teras strategik, pelan tindakan pelaksanaan dan mekanisme organisasi bagi memastikan Wawasan JAWHAR melalui Impian JAWHAR 2020 menjadi kenyataan. Ia merupakan suatu perancangan menyeluruh bagi memastikan organisasi berada di atas landasan yang betul untuk mencapai kecemerlangan yang diimpikan








Bab 4

PELAN FORMULASI JAWHAR 2017 - 2020



A. Pelan Formulasi

Setelah meletakkan sasaran dalam rangka strategik JAWHAR, formulasi terhadap tindakan yang akan diambil perlu ditentukan agar ia tidak lari dari matlamatnya. Di sini, JAWHAR telah berazam untuk meneruskan usaha mencapai matlamatnya dengan menggunakan kaedah analisis terhadap keadaan semasa dan kekuatan JAWHAR secara keseluruhannya.

Fasa analisis strategik dan halatuju strategik merupakan fasa yang amat penting kerana melalui fasa ini, JAWHAR dapat mengenalpasti faktor-faktor yang memberikan kesan serta perlu dijadikan rujukan dalam penyediaan Pelan Strategik. Kaedah yang dipilih ialah analisis SWOT (*Strength, Weakness, Opportunity and Thread*) dan PESTEL (*Political, Economic, Social, Technology, Environment and Legal*).

B. Kaedah SWOT dan PESTEL

PESTEL analisis kebiasaanya digunakan bersama analisis SWOT. Kaedah ini digunakan bersama kerana analisis SWOT menganalisa semua elemen yang terdapat sama ada secara dalaman ataupun luaran sesebuah organisasi itu. Dalam melaksanakan perubahan yang signifikan serta memberi nilai tambah agar terus kekal relevan sebagai agensi penyelarasan di peringkat persekutuan, JAWHAR perlu bermuhasabah diri untuk mengenalpasti gagasan kekuatan dan kelemahannya. Berdasarkan kepada pepadanan peluang dan ancaman yang dikenal pasti dengan gagasan kekuatan serta kelemahannya, maka hala tuju strategik JAWHAR ditentukan bagi membolehkannya merealisasikan hasrat dan wawasan penubuhannya.

Analisis SWOT dan PESTEL telah digunakan di dalam mengenalpasti hala tuju dan matlamat strategik JAWHAR. Kekuatan, kelemahan, peluang serta ancaman yang dikenalpasti telah dibincangkan bersama bagi membentuk satu pelan tindakan yang menyeluruh. Hasil perbincangan dan Analisa SWOT terhadap JAWHAR adalah terbahagi kepada Bahagian-Bahagian Teras seperti berikut:

WAKAF

- Kerjasama erat agensi persekutuan lain.
- Mampu merangka dan melaksanakan perancangan strategik.
- Menjadi platform penyelarasan MAIN.
- Jalinan perkongsian pintar
- Responsif, cepat dan integriti.

BAITULMAL

- Tiada pertindanan bidang tugas dengan agensi persekutuan yang lain
- Hubungan erat dengan MAIN
- Program-program yang dekat di hati rakyat
- Jalinan perkongsian pintar dengan pelbagai agensi



KEKUATAN

PENYELIDIKAN DAN KERJASAMA ANTARABANGSA

- Mampu merangka dan melaksanakan perancangan strategik.
- Menjadi platform penyelarasan aktiviti-aktiviti MAIN
- Jalinan perkongsian pintar kompeten dan dinamik
- Responsif, cepat dan integriti

KHIDMAT PENGURUSAN

- Warga JAWHAR mempunyai kemahiran dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan
- *Esprit De Corps* yang tinggi
- Pemudahcara kepada Jabatan dan pihak luar

WAKAF

Tiada punca kuasa khusus dari segi perundangan dan tatacara berkaitan bidang-bidang teras.

- Ekspektasi *stakeholders* dan pelanggan yang pelbagai.
- Maklumat berkaitan bidang teras bergantung kepada agensi lain.
- Sumber manusia yang terhad.

BAITULMAL

- Tiada punca kuasa khas dari segi perundangan berhubung urusan zakat dan Baitulmal
- Kurang saluran untuk promosi produk usahawan asnaf kepada masyarakat.
- Peruntukan yang berkurangan saban tahun.
- Kurang kepercayaan/sokongan dari pihak pengurusan tertinggi untuk pelaksanaan program berkenaan bidang teras zakat dan baitulmal



KELEMAHAN

PENYELIDIKAN DAN KERJASAMA ANTARABANGSA

- Tiada punca kuasa khusus dari segi perundangan dan tatacara berkaitan bidang- bidang teras
- Ekspektasi *stakeholders* dan pelanggan yang pelbagai
- Maklumat berkaitan bidang teras bergantung kepada agensi lain
- Modal insan yang semakin surut dan mengekang

KHIDMAT PENGURUSAN

- Tiada punca kuasa khusus dari segi perundangan dan tatacara berkaitan bidang-bidang teras.
- Ekspektasi *stakeholders* dan pelanggan yang pelbagai.
- Maklumat berkaitan bidang teras bergantung kepada agensi lain.
- Modal insan yang semakin surut dan mengekang

WAKAF

- Berpotensi menjadi pemudah cara kepada institusi berkaitan bidang teras JAWHAR.
- Meningkatkan penghayatan amalan berkaitan bidang teras di kalangan masyarakat
- Kerjasama dan perkongsian pintar dengan pusat-pusat kecemerlangan
- Menjadi pusat rujukan

PENYELIDIKAN DAN KERJASAMA ANTARABANGSA

- Berpotensi menjadi pemudahcara kepada institusi berkaitan bidang teras JAWHAR
- Meningkatkan penghayatan amalan berkaitan bidang teras di kalangan masyarakat
- Menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang teras
- Menjadi pusat rujukan tunggal
- Sentiasa sedia berkolaborasi dengan pusat-pusat kecemerlangan tempatan dan luar negara berkaitan bidang teras.



PELUANG

BAITULMAL

- Berpotensi menjadi pemudah cara di antara MAIN dan agensi-agensi kerajaan yang lain.
- Berpeluang mendapatkan dana daripada pelbagai agensi untuk pelaksanaan program.
- Mengadakan penyelidikan dengan kerjasama institusi akademik.
- Penawaran sumber untuk dijadikan rujukan oleh institusi akademik, MAIN dll agensi.

KHIDMAT PENGURUSAN

- Berpotensi menjadi pemudah cara kepada institusi berkaitan bidang teras JAWHAR.
- Meningkatkan penghayatan amalan berkaitan bidang teras di kalangan masyarakat
- Kerjasama dan perkongsian pintar dengan pusat-pusat kecemerlangan
- Menjadi pusat rujukan



WAKAF

- Perundangan sedia ada menghadkan peranan Bahagian Wakaf
- Karenah birokrasi dalam pengurusan
- Sumber manusia yang terhad dalam melaksanakan peranan bahagian.
- Polisi dan pelaksanaan dasar yang tidak konsisten
- Salah tanggap masyarakat berkaitan wakaf
- Kegawatan ekonomi
- Persepsi campur tangan

BAITULMAL

- Perundangan sedia ada menghadkan peranan Baitulmal.
- Kehilangan kepercayaan oleh Pengurusan Tertinggi.
- Wujud persepsi campur tangan dalam urusan Zakat dan Baitulmal Negeri



ANCAMAN

PENYELIDIKAN DAN KERJASAMA ANTARABANGSA

- Perundangan sedia ada menghadkan peranan JAWHAR
- Karenah birokrasi dalam pengurusan
- Modal insan yang terhad dalam melaksanakan bidang teras
- Polisi dan pelaksanaan asas yang tidak konsisten
- Kurang kerjasama dan persefahaman secara menyeluruh dengan agensi berkaitan dalam melaksanakan aktiviti berkaitan bidang teras
- Persepsi negatif masyarakat
- Kegawatan ekonomi

KHIDMAT PENGURUSAN

- Perundangan sedia ada menghadkan peranan Bahagian Wakaf
- Karenah birokrasi dalam pengurusan
- Modal insan yang terhad dalam melaksanakan peranan bahagian.
- Polisi dan pelaksanaan dasar yang tidak konsisten
- Salah tanggap masyarakat berkaitan wakaf
- Kegawatan ekonomi
- Persepsi campur tangan



C. Memenuhi Pihak Berkepentingan

Senario persekitaran JAWHAR kini dikelilingi oleh pelbagai pihak yang berkepentingan termasuk pelanggan. Bagi memenuhi kepuasan hati kedua-dua pihak, JAWHAR terlebih dahulu telah mengenalpasti para stakeholders dan pelanggan yang amat dekat dengan setiap gerak langkah dan hala tuju JAWHAR selama ia ditubuhkan. Senarai *stakeholders* dan pelanggan JAWHAR adalah seperti berikut :



PELANGGAN
Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN)
Agensi Mengurus Zakat Negeri (AMZ)
Baitulmal (Pihak Berkuasa Negeri)
Wakaf(Pihak Berkuasa Negeri)
Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan
Masyarakat/ Orang Ramai
Sektor Swasta/ Pertubuhan Bukan Kerajaan
Masyarakat Serantau Dan Antarabangsa

D. Isu dan Cabaran

Bagi mewujudkan sebuah pentadbiran dan pengurusan yang cekap dalam melaksanakan setiap objektif dan fungsi JAWHAR, setiap bidang teras JAWHAR dianalisa dari segi isu, masalah dan keperluan. Proses ini amatlah penting dalam peringkat penyediaan Pelan Strategik Ini kerana melalui pengenalpastian isu dan masalah, matlamat penyelesaian dan halatuju yang ingin dicapai oleh JAWHAR dapat ditentukan. Pada masa yang sama, pelaksanaan aktiviti dan program bagi menyelesaikan isu dan masalah dapat dirangka sewajarnya. Isu-isu dan masalah yang telah dikenalpasti bagi setiap teras JAWHAR adalah seperti berikut;

Teras	Isu/Masalah
W A K A F	<ul style="list-style-type: none"> • Kekangan dana pembangunan hartanah wakaf daripada Kerajaan. • Maklumat data wakaf yang tidak komprehensif • Kekurangan dana untuk program promosi wakaf • Kurang keyakinan kepada Agensi Mengurus Wakaf • Kekurangan Kepakaran dalam pengurusan wakaf • Kekurangan dana menjalankan Kajian/penyelidikan berkaitan wakaf • Pengurusan wakaf yang tidak sistematik • Tiada garis panduan tadbir urus wakaf yang seragam. • Penguatkuasaan ke atas tanah wakaf kurang berkesan kerana masih tiada enakmen khusus berkaitan wakaf

Z A K A T	<ul style="list-style-type: none"> • Ketiadaan pangkalan data zakat kutipan dan agihan yang komprehensif. • Ketiadaan rebat zakat perniagaan. • Wakil JAWHAR perlu dilibatkan dalam input belanjawan Negara • Kurangnya promosi berzakat di peringkat nasional. • Ketiadaan dana zakat di peringkat nasional bagi menjalankan promosi, aktiviti dan bantuan segera. (Penubuhan Tabung Zakat Negara). • Menubuhkan satu entiti yang dapat mengatasi kekangan negeri dalam menguatkuasakan isu-isu berkaitan zakat. (Penubuhan Suruhanjaya Diraja Zakat di bawah Majlis Raja-Raja) • Kekurangan sumber manusia, tenaga pakar dan kakitangan yang kompeten bagi membantu pentadbiran. • Sukar mendapat kerjasama daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam penyelarasan isu-isu berkaitan zakat • Peraturan dan enakmen zakat yang tidak seragam antara negeri. • Ketiadaan penguatkuasaan undang-undang zakat. • Ketiadaan <i>Research and Development</i> (R&D) peringkat nasional • Penyertaan masyarakat umum membantu isu-isu agihan zakat (Menyelaras penubuhan pasukan khas bagi mengesan asnaf yang layak di sesuatu kawasan) • Mengaktifkan peranan ketua amil dengan memperkenalkan insentif berdasarkan merit bagi membanci penerima zakat • <i>Smart Partnership</i> bagi melibatkan penyertaan pembayar zakat (Penubuhan Kelab Sukarelawan Zakat) • Isu pelaburan wang zakat
M A L	<ul style="list-style-type: none"> • Mengharapkan sokongan terhadap dasar-dasar pembangunan sumber am • Dasar yang sedia ada tidak jelas • Ketiadaan Entiti Baitulmal Kebangsaan • Tiada keseragaman dalam pelaksanaan dan pengurusan sumber am : JAWHAR akan bertindak sebagai pemudah cara, mengetuai dan mengajak serta meyakinkan MAIN untuk melaksanakan pembangunan sumber am • Kurang kepakaran dalam menjana pembangunan Harta Sumber Am • Data berkaitan Sumber Am tidak lengkap dan sukar diperolehi • Kurang kefahaman dan pendedahan berhubung Harta Sumber Am • Sikap masyarakat yang tidak mengambil berat tentang pengurusan harta mengikut syarak



H
A
J
I

- Peningkatan kes-kes penipuan
- Peningkatan bilangan visa umrah yang dikeluarkan setiap tahun. Ia dikatakan tidak seimbang dengan peningkatan bilangan pengendali umrah yang berdaftar dengan Kementerian Haji Arab Saudi.
- Masyarakat tidak sedar mereka sedang dan telah ditipu.
- Masyarakat tidak tahu mana satu pihak yang betul dan pihak yang menipu (bermuassasah atau tidak).
- Tiada agensi Kerajaan yang bertindak mengurus dan memantau pengurusan umrah.
- Iklan pakej umrah palsu di media massa, masjid dan surau yang semakin berleluasa.
- Tiada tempat merujuk untuk mengesahkan kebenaran pengendali umrah yang ditemui.
- Harga pakej yang murah sebagai tarikan penipuan – Tiada kawalan harga yang tetap.
- Pengendali umrah mungkir janji perkhidmatan yang telah dipersetujui terutamanya semasa di Tanah Suci.
- Masalah proses sistem pengurusan visa oleh Kerajaan Arab Saudi yang tidak konsisten (*bar code*)
- Syarikat pengendali umrah tidak wujud, palsu atau menyamar.
- Mudah percaya terhadap pengendali umrah atau individu tertentu dan urus niaga tanpa dokumen rasmi.
- Tiada kegiatan pemantauan dan pencegahan penipuan seperti iklan-iklan tawaran pakej umrah.
- Masyarakat diminta membayar wang pendahuluan dengan nilai yang besar semasa mendaftar dengan pengendali umrah.
- Tidak ada sistem pencegahan dan kawalan oleh agensi berkaitan.
- Masyarakat tidak dimaklumkan secara meluas mengenai kes-kes penipuan dan cara mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan.
- Tiada medium aduan mengenai masalah yang dihadapi semasa di Tanah Air dan Tanah Suci.
- Pengurusan umrah yang tidak seragam atau tidak jelas.
- Pendaftaran agensi pengelola umrah dengan JAWHAR.
- Punca kuasa siasatan terhad dan bergantung kepada aduan sahaja.
- Ketiadaan undang-undang khusus yang mengawal selia urusan umrah berbanding urusan haji.
- Urusan umrah tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang pelbagai dan melibatkan agensi Kerajaan yang berlainan.
- Mewujudkan *win-win situation* di antara PJH/ Pendeposit/ Kerajaan/ Jemaah.

E. Komitmen dan Kesiapsiagaan

Berdasarkan isu dan cabaran yang telah dan akan dihadapi oleh JAWHAR menjelang wawasan 2020 ini, JAWHAR sebagai sebuah agensi yang telah diamanahkan untuk menyelaras hal ehwal wakaf, Zakat dan Haji/Umrah amat komited dan yakin bahawa setiap masalah ini pasti ada jalan penyelesaiannya. Untuk itu, JAWHAR telah menggariskan beberapa halatuju yang dirasakan amat perlu diberi perhatian penuh oleh setiap warganya dalam memastikan matlamat JAWHAR untuk memartabatkan agenda Ummatan Wassatan dan memacu transformasi ummah dapat dicapai menjelang tahun 2020. Di antara halatuju yang penting yang menjadi tunjang kepada kekuatan JAWHAR dalam menghadapi cabaran Wawasan 2020 adalah seperti berikut:

Peningkatan Taraf Sosio-Ekonomi Masyarakat Islam di Malaysia
Peningkatan Kemahiran Pengurusan Wakaf
Peningkatan Kepuasan Pelanggan dan <i>Stakeholders</i>
Peningkatan Tahap Kemahiran Dan Kepakaran Pengurusan Zakat
Peningkatan Kualiti Hidup Ummah
Transformasi Baitulmal
Menaikkan Imej Malaysia sebagai Hub Pengurusan Harta Islam Yang Ulung
Melengkapkan Sistem Ekonomi Islam di Malaysia
Menjana Sumber-Sumber Ekonomi Umat Islam yang <i>Dorman</i>
Meningkatkan Taraf Hidup dan Memberi Perkhidmatan Yang Lebih Baik kepada Umat Islam
Peningkatan Pengurusan Haji dan Umrah yang lebih Telus dan Efisien



Bagi mencapai tahap pengurusan dan perkhidmatan terbaik, semua pihak perlu saling bekerjasama. Dalam merealisasikan semua matlamat yang telah digariskan dalam "Projek JAWHAR 2020", setiap isu/perkara yang memberikan kesan secara langsung dan tidak langsung terhadap perjalanan JAWHAR dalam mencapai matlamat penubuhannya perlu ditangani secara muafakat dan secara bijaksana. Kedua-duanya merupakan elemen penentu kejayaan JAWHAR menjadi sumber kekuatannya untuk terus unggul dan bertahan sehingga kini. Di antara faktor penentu kejayaan JAWHAR adalah seperti berikut:

Kepimpinan Yang Berkaliber dan berdedikasi	Semangat Berpasukan Yang Tinggi
Sistem Sokongan yang Mantap dan sistematik	Penglibatan Pakar-Pakar dan Golongan Profesional
Kerjasama Institusi Islam Dalam negara dan Luar Negara	Inspirasi dan Rangsangan dari Pihak yang Berkepentingan








Bab 5

STRATEGI PELAKSANAAN JAWHAR 2017 - 2020



Teras Strategik

Fasa seterusnya dalam penyediaan Pelan Strategik JAWHAR adalah Perancangan Strategik dan Pelan Tindakan Strategik. Melalui peringkat ini, Teras Strategik pelaksanaan Pelan Strategik ini hendaklah dikenalpasti dan dilaksanakan. Penerangan berkaitan teras strategik-teras strategik yang dipilih, aktiviti/program mengikut setiap teras strategik serta penanda aras yang telah ditetapkan diuraikan dengan lebih lanjut dalam Strategi Pelaksanaan JAWHAR ini. Bagi setiap teras strategi yang dikenalpasti, program-program dan rangka kerja yang menepati aspirasi Kerajaan perlu diberi keutamaan oleh semua warga di dalam Organisasi. Strategi-strategi ini telah dipilih adalah selari dengan Rancangan Malaysia ke-11, Dasar Transformasi Nasional (TN50) yang antara lainnya adalah bertujuan untuk mencapai status negara maju yang berteraskan Maqasid Syariah. Oleh kerana kita semakin menghampiri tahun 2020, pada ketika ini JAWHAR memerlukan wadah baharu bagi meneruskan perjuangan membangunkan kemashlahatan dan ekonomi ummah. Di antara lima teras strategik yang telah dikenalpasti untuk merealisasikan tujuan tersebut adalah seperti berikut:

TERAS STRATEGIK 1	WAKAF	PENGUKUHAN INSTITUSI WAKAF MELALUI PENYELARASAN DAN KERJASAMA PINTAR
TERAS STRATEGIK 2	BAITULMAL	PENGUKUHAN INSTITUSI BAITULMAL DEMI MENINGKATKAN TARAF SOSIO EKONOMI UMMAH
TERAS STRATEGIK 3	PENYELIDIKAN DAN KERJASAMA ANTARABANGSA	PEMANTAPAN PENYELARASAN DAN KOLABORASI INSTITUSI HAJI/UMRAH DEMI KEMASLAHATAN UMMAH
TERAS STRATEGIK 4	KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA	MENINGKATKAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DALAM PELAKSANAAN BIDANG TERAS DEMI KEMASLAHATAN UMMAH

Pelan Tindakan Strategik

Melalui Teras Strategik yang ditetapkan, perancangan secara terperinci aktiviti-aktiviti serta program-program telah dirancang. Pelaksanaan aktiviti dan program ini juga bertujuan bagi mengatasi isu dan cabaran yang telah dikenalpasti sebelum ini melalui Pelan Formulasi. Pelaksanaan setiap aktiviti dan program yang telah digariskan dalam Pelan Tindakan Strategik ini merupakan intipati kepada pelaksanaan Pelan Strategik JAWHAR (2012-2016). Kejayaan Pelan Strategik ini bergantung kepada kejayaan pelaksanaan setiap aktiviti dan program yang dirancang dengan memberikan impak yang besar. Perkara ini juga akan menyumbang kepada pencapaian matlamat yang ingin dicapai oleh JAWHAR bagi jangka masa pendek dan jangka masa panjang seperti Projek JAWHAR 2020.

Pelan Tindakan Strategik yang terperinci bagi setiap teras adalah seperti jadual di bawah:

TERAS STRATEGIK 1

PENGUKUHAN INSTITUSI WAKAF MELALUI PENYELARASAN DAN KERJASAMA PINTAR

Bil.	Program / Aktiviti @ Inisiatif	Objektif	Faktor Utama Penentu Kejayaan (Key Success Factors - KSFs)	Tempoh		Pelaksana @ Pemegang Amanah	Penanda Aras Utama (Key Performance Indicators - KPIs)
				Mula	Akhir		
1.	Pembangunan projek Hartanah Wakaf menerusi Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11).	Meningkatkan pemilikan aset umat Islam.	i. Peruntukan RMKe-11 ii. Kerjasama MAIN dan agensi pelaksana iii. Perancangan dan pemantauan yang berkesan	2017	2020	P(W)	<ul style="list-style-type: none"> • 2 projek sambungan • Projek baru berdasarkan kelulusan <i>Rolling Plan</i> RMKe-11
2.	Pewujudan kerjasama JAWHAR dengan MAIN/ YWM bersama GLC/Bank/ Syarikat Swasta bagi pembiayaan pembangunan hartanah wakaf.	Mengurangkan kebergantungan MAIN kepada dana Kerajaan melalui kerjasama strategik bersama GLC/ Swasta	i. Kerjasama MAIN dan GLC/ Swasta ii. Pelan pembangunan yang boleh ditawarkan oleh GLC/Swasta	2017	2020	P(W)	2 projek pembangunan tanah wakaf kerjasama MAIN dan GLC/ Swasta

Bil.	Program / Aktiviti @ Inisiatif	Objektif	Faktor Utama Penentu Kejayaan (Key Success Factors - KSFs)	Tempoh		Pelaksana @ Pemegang Amanah	Penanda Aras Utama (Key Performance Indicators - KPIs)
				Mula	Akhir		
3.	Pewujudan entiti Perbadanan di setiap negeri bagi membangunkan hartanah wakaf di MAIN.	Menubuhkan sebuah Perbadanan yang berfungsi sebagai <i>investment arm</i> kepada MAIN yang akan bekerjasama dengan JAWHAR dan Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan tanah wakaf	i. Kerjasama dan komitmen MAIN dan agensi	2017	2020	P(W)	Pewujudan 1 perbadanan oleh MAIN
4.	Sistem maklumat wakaf menerusi <i>Geographical Information System</i> (GIS) ke atas tanah wakaf di seluruh Malaysia	Menyediakan satu sistem rekod tanah dan harta wakaf yang komprehensif di seluruh Negara	i - Kerjasama dan kesediaan MAIN memberikan maklumat ii - Peruntukan kewangan	2017	2020	P(W)/ P(IT)	50% maklumat yang dikunci masuk
5.	Penganjuran Bengkel, Seminar, Konvensyen dan Pameran wakaf	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan ilmu dan kualiti pengurusan institusi wakaf Meningkatkan kesedaran berwakaf di kalangan masyarakat 	i. Kerjasama dan komitmen MAIN, YWM dan pusat-pusat kecemerlangan ii. Perkongsian maklumat iii. Peruntukan kewangan.	2017	2020	P(W)	Penganjuran sekurang-kurangnya 1 program setahun
6.	Kempen pendidikan dan kesedaran berterusan serta menyeluruh kepada masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kesedaran berwakaf di kalangan masyarakat 	i. Promosi yang berkesan ii. Komitmen dan sokongan MAIN dan YWM iii. Peruntukan kewangan	2017	2020	P(W)/ PRO	

Bil.	Program / Aktiviti @ Inisiatif	Objektif	Faktor Utama Penentu Kejayaan (Key Success Factors - KSFs)	Tempoh		Pelaksana @ Pemegang Amanah	Penanda Aras Utama (Key Performance Indicators - KPIs)
				Mula	Akhir		
7.	Penyelarasan enakmen wakaf	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan sistem tadbir urus wakaf terbaik di MAIN 	<ul style="list-style-type: none"> i. Kerjasama dan komitmen MAIN dan agensi berkaitan. ii. Sokongan Kerajaan Negeri. 	2017	2020	P(W)/ PUU	1 Enakmen Wakaf MAIN yang terkini
8.	Penerbitan manual dan kajian wakaf	Mewujudkan system tadbir urus terbaik yang seragam sebagai garis panduan dan rujukan MAIN	<ul style="list-style-type: none"> i. Kerjasama dan komitmen MAIN dan YWM ii. Peruntukan kewangan yang mencukupi. iii. iii. Pemilihan isu-isu relevan dan mempunyai nilai tambah. 	2017	2020	P(W)/ P(P&P)/ PRO	3 penerbitan manual/kajian

TERAS STRATEGIK 2

PENGUKUHAN INSTITUSI BAITULMAL DEMI MENINGKATKAN TARAF SOSIO EKONOMI UMMAH

Bil.	Strategi	Program	Tempoh		Pelaksana @ Pemegang Amanah	Penanda Aras Utama (Key Performance Indicators - KPIs)
			Mula	Akhir		
1.	Program Pendidikan / Latihan / Promosi untuk pembangunan Asnaf	<ul style="list-style-type: none"> i. Program Latihan / kemahiran dan potensi diri ii. Program Peningkatkan peluang asnaf keluar daripada kelompok kemiskinan iii. Program bantuan meningkatkan pendapatan usahawan asnaf 	2017	2020	P(B)	<ul style="list-style-type: none"> i. 1 program latihan/setahun ii. 1 program setahun iii. 1 program setahun

Bil.	Strategi	Program	Tempoh		Pelaksana @ Pemegang Amanah	Penanda Aras Utama (Key Performance Indicators - KPIs)
			Mula	Akhir		
2.	Program Promosi Zakat dan Sumber Am	Program promosi JAWHAR sebagai penyelaras di peringkat persekutuan dan MAIN/AMZ sebagai pihak berkuasa zakat negeri i. Program Konvoi Kembara Zakat ii. Program Bulan Zakat Kebangsaan	2017	2020		i. 1 program setahun ii. 1 program setahun
3.	Program Penyelarasan Tadbirurus zakat dan sumber am	Menyediakan garis panduan untuk rujukan semua MAIN dan AMZ i. Manual / Garispanduan berkatain zakat/mal ii. Senarai harga emas harian kepada MAIN iii. Kadar zakat fitrah seragam	2017	2020		i. 1 manual/garis panduan setahun ii. 1 senarai harga emas harian setiap bulan iii. 1 kadar seragam setiap tahun
4.	Program Pengukuhan Perkhidmatan Sumber Am	Meningkatkan penyertaan masyarakat dalam menggunakan perkhidmatan yang disediakan dalam Penawaran produk-produk inovasi atau perkhidmatan sumber am	2017	2020		1 panduan/bidang mal (wasiat/hibah/amanah dll) setahun
5.	Program kajian dan penyelidikan berhubung transformasi tadbirurus Baitulmal	i. Kajian penambahbaikan tadbir urus Baitulmal / best practices tadbir urus Baitulmal di negeri	2017	2020		1 kajian dalam tempoh 2 tahun
6.	Penubuhan entiti baitulmal kebangsaan	Menguruskan dana secara profesional	2017	2020		Penubuhan satu entiti pada 2020
7.	Program pengumpulan maklumat data Baitulmal	Pengemaskinian bank data zakat dan sumber am	2017	2020		Maklumat dan data kutipan dan agihan diperoleh setiap tahun

TERAS STRATEGIK 3

PEMANTAPAN PENYELARASAN DAN KOLABORASI INSTITUSI HAJI/UMRAH DEMI KEMASLAHATAN UMMAH.

Bil.	Strategi	Program	Tempoh		Pelaksana @ Pemegang Amanah	Penanda Aras Utama (Key Performance Indicators - KPIs)
			Mula	Akhir		
1.	<p>Strategi</p> <p>Peneraju pusat rujukan dan penyelarasan pengurusan haji dan umrah dan bidang teras JAWHAR</p>	<p>Program</p> <p>(i) Membangunkan standard dan melatih pengurus-pengurus syarikat umrah (dengan kerjasama MOTAC dan IPB)</p> <p>(ii) Mengemaskini peraturan dan undang-undang berkaitan haji dan umrah melalui manual dan garis panduan (muzakarah TH, USCC/ IPB-JAWHAR), akademi mutawif)</p> <p>(iii) Menjadikan portal dan aplikasi i-Umrah sebagai rujukan utama untuk semakan pengelola haji/umrah (link TH, portal i-umrah, Majlis Kawal Selia Umrah).</p> <p>(iv) Mengadakan promosi dan kesedaran bagi menghebahkan maklumat semasa berkaitan pengurusan umrah.</p> <p>(v) Memberikan khidmat nasihat berkaitan fiqh muamalat pakej umrah dalam Majlis Kawal Selia Umrah</p> <p>(vi) Menyelaraskan pelaksanaan USEC untuk industri bersama pihak IPB (ke arah akreditasi syarikat dan mutawwif)</p>	2017	2020	P(BPKA)	<p>Indikator</p> <p>(i) 20 syarikat umrah setahun</p> <p>(ii) Satu kemaskini manual setahun</p> <p>(iii) 10000 hits setahun; dan</p> <p>Semakan i-umrah melalui link terus bab al-umrah kerajaan arab saudi</p> <p>(iv) 8 kali setahun; dan</p> <p>2 liputan media</p> <p>(v) 2 kali setahun</p> <p>(vi) 4 kali setahun</p> <p>(vii) 2 kali setahun</p> <p>(viii) 4 kali setahun (JID)</p>

Bil.	Strategi	Program	Tempoh		Pelaksana @ Pemegang Amanah	Penanda Aras Utama (Key Performance Indicators - KPIs)
			Mula	Akhir		
		(vii) Menerbitkan jurnal berkaitan bidang teras JAWHAR (wakaf, zakat, haji dan umrah) (viii) Taklimat/konvensyen/seminar berkaitan bidang teras JAWHAR				
2.	Penyelarasan mesyuarat haji YBM dan deligasi haji Malaysia.	Menyediakan memorandum Jemaah Menteri dan mengemaskini input berkaitan urusan haji	2017	2020	P(BPKA)	1 MJM
3.	Persijilan ISO yang baharu MS 9001: 2015	Mendapatkan akreditasi pengiktirafan standard kualiti JAWHAR untuk memberi keyakinan kepada masyarakat awam	2017	2020	P(BPKA)	- Persijilan semula sebelum Mac 2018

TERAS STRATEGIK 4

MENINGKATKAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DALAM PELAKSANAAN BIDANG TERAS DEMI KEMAS LAHATAN UMMAH

Bil.	Strategi	Program	Tempoh		Pelaksana @ Pemegang Amanah	Penanda Aras Utama (Key Performance Indicators - KPIs)
			Mula	Akhir		
1.	Memantapkan budaya berpasukan yang berprestasi tinggi, berinformasi dan berdaya saing	1. Program Pengukuhan Pasukan dan Program Latihan komprehensif i. Program Transformasi Diri ii. Gotong Royong Perdana	2017	2020	Sekali setahun 2 kali setahun	Mengadakan sekurang-kurangnya 2 Program/Bengkel/Taklimat/Latihan Setahun

Bil.	Strategi	Program	Tempoh		Pelaksana @ Pemegang Amanah	Penanda Aras Utama (Key Performance Indicators - KPIs)
			Mula	Akhir		
		2. Program silang latihan, simbiosis dan intergrasi	2017	2020	i. Penempatan khas pegawai JAWHAR di MAIN/AMZ (<i>short course 1 week</i>) ii. Kursus Komunikasi Berkesan iii. Kursus Bahasa Asing iv. (Pengucapan Awam dsb) v. Kursus Etiket dan Protokol vi. Kursus Kepimpinan vii. Kursus ICT (Ms Office) viii. Kursus Penggunaan Sistem Ilmu ix. Program pemantapan diri mengikut sistem giliran	i. Penempatan selama seminggu pegawai ii. Mengadakan sekurang-kurangnya 3 program daripada 8 program yang dirancang.
2.	SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT Memperkasakan sistem penawaran perkhidmatan	1. Program Pemantapan Sistem-Sistem di JAWHAR (Sistem Geospacial Tanah Wakaf, e-Khairat, i-Umrah) i. Pengemaskinian data sistem ii. Pengukuhan keselamatan sistem iii. Perluasan sistem ke MAIN dengan kerjasama bahagian-bahagian teras iv. Peningkatan capaian terhadap sistem	2017	2020	i. 2 kali pengemaskinian setiap tahun ii. Pembaharuan anti virus setiap setahun iii. Perluasan ke 2 MAIN setiap tahun iv. Peningkatan penggunaan/ hits sistem: <ul style="list-style-type: none"> • Sistem Geospacial Tanah Wakaf/ 2 negeri setiap tahun • e-Khairat/ 2,000 hits setiap tahun • i.Umrah/ peningkatan 10,000 hits setiap tahun 	


		2. Program Pemantapan Aplikasi Mobile JAWHAR	2017	2020	10 promosi setahun bersama bahagian-bahagian teras	
		3. Program pemantapan laman web JAWHAR	2017	2020	Penarafan 5 bintang penilaian PROBE MDEC	
3.	UNIT INTEGRITI DAN KOMUNIKASI KORPORAT Memperkasakan sistem penyebaran maklumat yang berkesan	1. Program peningkatan penyampaian maklumat melalui media sosial untuk melahirkan warga yang berintegriti, mempunyai sahsiah yang unggul dan beretika dengan melaksanakan budaya kerja cemerlang mengikut syarak	2017	2020	Hebahan dan kemaskini maklumat melalui media sosia	2 kali sehari di dalam media sosial.
		2. Menjalinkan hubungan baik dan bekerjasama dengan pihak media			Program ramah mesra bersama media,	1 kali
		3. Pengurusan aduan dan pertanyaan awam secara sistematik dan berinformasi			Proses aduan melalui iSPA mengikut kategori i-mudah ii-sederhana iii-serius	1 hari akuan penerimaan maklumbalas / aduan i. kategori mudah – 5 hari. ii. kategori sederhana -14 hari. iii. kategori serius - sepanjang tahun.
		4. Pembinaan imej korporat JAWHAR			1 video korporat 1 lagu Jabatan	

Setiap teras strategik JAWHAR BAGI TAHUN 2017-2020 telah diperincikan dengan program-program khusus dan telah dirancang sehingga tahun 2020. Program-program telah dikelaskan mengikut Bahagian atau bidang teras masing-masing dan semuanya dikawal oleh pegawai penyelaras bahagian. Pihak pengurusan Tertinggi akan memastikan kelangsungan program-program tersebut melalui mesyuarat mingguan dan mesyuarat pengurusan Jabatan yang di adakan pada masa yang telah ditetapkan. Malah, Jabatan turut mengabdikan gambar setiap program yang di adakan ke dalam bahan penerbitan Jabatan untuk diedarkan kepada stakeholders mahupun agensi berkaitan.



Bab 6

PEMANTAUAN BERKESAN & KAJIAN SEMULA JAWHAR 2017 - 2020



Pemantauan Pelaksanaan

Sebagai sebuah jabatan Kerajaan yang merangka dasar dan memantau operasi tadbir urus hal-ehwal wakaf, zakat, haji dan mal di seluruh Negara, JAWHAR mempunyai peranan penting untuk merealisasikan dasar-dasar pembangunan Negara seperti yang terkandung dalam Wawasan 2020, RMK-9, RMK-10 dan RMK11. Perkara ini menjelaskan mengenai mekanisme institusi sebagai langkah susulan bagi memantau pelaksanaan Pelan Strategik JAWHAR (2017 – 2020) ini secara cekap dan bersepadu supaya berupaya merealisasikan matlamat program-program JAWHAR menjelang tahun 2020 dalam tempoh RMK11, ketekunan, kesungguhan serta komitmen yang tinggi semua pihak yang berkepentingan amat diperlukan. Selari dengan matlamat YAB Perdana Menteri untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju, JAWHAR amat menitik beratkan perancangan jangka panjang terhadap program-program yang berpaksikan rakyat. Terdapat dua kaedah pendekatan utama yang akan digunakan oleh JAWHAR dalam memantau perkembangan pelaksanaan Pelan Strategik ini iaitu pemantauan secara berterusan dan berkesan.

Pemantauan Berterusan

Pada setiap tahun, JAWHAR akan menetapkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan penetapan sasaran ini akan mengambil kira pelaksanaan setiap aktiviti/program yang telah digariskan dalam Pelan Tindakan Strategik sebelum ini. Sasaran ini akan dikaji semula dari segi pencapaian dan pelaksanaannya pada setiap pertengahan dan hujung tahun (dua kali setahun). Sehubungan itu, ketika semakan pencapaian Sasaran Kerja Tahunan JAWHAR dijalankan pada setiap penghujung tahun, pencapaian pelaksanaan Pelan Strategik JAWHAR juga akan dinilai.

Kajian Semula Pelan Strategik JAWHAR

Kajian semula Pelan Strategik JAWHAR (2017 – 2020) akan dijalankan pada tahun 2018. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap pencapaian pelaksanaan Pelan Strategik JAWHAR di samping membuat penambahbaikan sewajarnya terhadap pelaksanaan aktiviti dan program yang telah digariskan selaras dengan perubahan persekitaran dan keperluan semasa.

Mekanisma Pemantauan

Mekanisma utama pemantauan pelaksanaan Pelan Strategik JAWHAR (2017 – 2020) ini digariskan seperti berikut:

- Sebuah **Jawatankuasa Khusus** yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAWHAR diwujudkan. Antara fungsi utama Jawatankuasa ini ialah menyediakan kepimpinan, panduan polisi serta membuat keputusan ke atas perkara-perkara utama dalam pelaksanaan Pelan Transformasi JAWHAR (2017 – 2020) ini. Jawatankuasa ini juga akan mengenalpasti sasaran serta polisi baru yang disesuaikan dengan keperluan dan kehendak semasa
- Sebuah **Urusetia Khusus Pemantau dan Penilai** pelaksanaan Pelan Strategik JAWHAR (2017 – 2020) ini diwujudkan bagi memastikan pelaksanaannya mengikut jadual sewajarnya. Urusetia ini akan membuat penilaian pada setiap hujung tahun.
- Satu **Jawatankuasa Kajian Semula Pelan Strategik JAWHAR** yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAWHAR dengan dianggotai oleh setiap Pengarah Bahagian akan diwujudkan untuk membuat penilaian terhadap Pelan Strategik JAWHAR ini pada tahun 2018.

Pemantauan secara berterusan dan kajian semula Pelan Strategik JAWHAR amatlah penting dilaksanakan supaya setiap halatuju yang digariskan dalam Pelan Strategik ini Berjaya dicapai. Mekanisma Pemantauan Pelaksanaan merupakan satu gerak kerja tersusun yang digariskan bagi tujuan tersebut. Mekanisma ini juga merujuk kepada amalan tadbir urus terbaik serta memberikan penekanan terhadap tindakan susulan yang diperlukan dalam memastikan pelaksanaan setiap program dalam gagasan teras strategik JAWHAR sentiasa dipantau sewajarnya. Dengan adanya sistem pemantauan yang baik, JAWHAR dapat memberikan sumbangan yang signifikan bagi mencapai visi, misi dan teras strategik yang telah digariskan.

Faktor-Faktor Penentu Kejayaan

Secara keseluruhannya, pegawai dan pelaksana JAWHAR telah memainkan peranan penting dalam merealisasikan program-program yang telah dirancang sejak awal penubuhannya sehingga kini. Kejayaan yang telah dikecapi sehingga kini adalah melalui usaha berterusan keseluruhan warga JAWHAR yang menjalankan tanggungjawab dan amanah dengan baik dan ikhlas. Kejayaan JAWHAR adalah bergantung kepada kekuatan dan elemen penting seperti berikut:

KEPIMPINAN YANG BERWIBAWA

Kejayaan sesebuah organisasi adalah terletak di bawah kepimpinan yang berwibawa, berwawasan dan berkaliber yang berjaya menunjangi organisasinya dengan secara berkesan. Pemimpin yang bertransformasi boleh memikirkan kepentingan jangka panjang sesebuah organisasi dalam mengharungi arus perdana dalam dunia yang semakin mencabar.

PENGLIBATAN GOLONGAN PROFESIONAL DAN PAKAR

Dalam merencana masa depan JAWHAR, pelbagai aspek diambilkira terutamanya penglibatan golongan pakar yang terlibat secara langsung di dalam bidang wakaf, zakat dan haji/umrah. Peranan dan perkongsian idea daripada mereka amat dititikberatkan dalam memastikan semua harapan yang diinginkan dapat dicapai. Keprihatinan golongan ini terhadap ummat Islam khususnya di dalam bidang teras JAWHAR memberikan impak yang besar dan positif dalam memastikan kelangsungan program-program yang dijalankan.



KERJASAMA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN), AGENSI AWAM, SWASTA, KORPORAT DAN BADAN BUKAN KERAJAAN

Kerjasama erat di antara JAWHAR dengan agensi-agensi lain adalah merupakan salah satu faktor kejayaan JAWHAR hingga kini. Program-program bersifat *Nasional Blue Ocean Strategy* (NBOS) bersama agensi-agensi berkenaan banyak membantu JAWHAR merealisasikan hasrat untuk menyebarkan bidang teras wakaf, zakat dan haji. Penglibatan mereka di dalam pelbagai mesyuarat, bengkel dan program yang di adakan secara tidak langsung dapat mengeratkan jalinan Kerjasama dan persefahaman tentang matlamat penubuhan JAWHAR.

KERJA BERPASUKAN

Semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh setiap warga JAWHAR menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan program-program yang dianjurkan. Selain itu, semangat '*esprit de corps*' yang ditunjukkan oleh organisasi melahirkan sikap bertanggungjawab yang tinggi dalam pembentukan jati diri warga JAWHAR itu sendiri. Sifat tidak mudah mengalah dan sentiasa ingin mencuba yang disemai sering menjadi kekuatan warganya untuk memastikan kejayaan bagi setiap perkara yang dilakukan.

BERILMU

Adalah amat penting bagi jabatan memiliki pegawai rujukan dan pakar yang berpengetahuan luas dan mempunyai kepakaran dalam bidang teras JAWHAR dan bidang lain yang berkaitan. Warga yang berilmu amat diperlukan bagi pengurusan kerja dilakukan dengan berkesan. JAWHAR turut menyediakan kemudahan prasarana seperti perpustakaan kepada seluruh warganya untuk menimba ilmu di samping memupuk semangat cintakan ilmu.

KREATIF DAN INOVATIF

Penambahbaikan yang dibuat di dalam sesebuah organisasi memerlukan sentuhan Kreatif dan Inovatif dari warganya. Disini apa yang amat ditekankan ialah kemahuan dan kehendak sesebuah organisasi untuk mengubah dan berubah ke arah yang lebih baik dan dinamik. Perancangan yang dilakukan hendaklah selari dengan matlamat yang telah ditetapkan.

PEMBANGUNAN PRASARANA DAN SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT


Kemudahan prasarana yang baik amat diperlukan di sesebuah organisasi kerana ia merupakan sebahagian daripada faktor sokongan yang membantu JAWHAR dalam mencapai matlamatnya. Manakala sistem teknologi maklumat yang berkesan kepada Masyarakat tentang JAWHAR menjadi salah satu faktor kejayaan jabatan ini untuk menyebarkan isu-isu berkaitan bidang teras wakaf, zakat dan haji.





Bab 7

PENUTUP



Kesimpulan

Secara tuntasnya, selama penubuhan JAWHAR sejak tahun 2004 hingga kini, sehinggalah kita menghampiri tahun 2020 dalam tempoh beberapa tahun sahaja lagi, pelbagai cabaran dan rintangan yang telah ditempuhi oleh JAWHAR dalam mendepani arus Transformasi, globalisasi, ledakan kemajuan sains dan teknologi, ekspektasi *stakeholders* dan persaingan sengit untuk mengekalkan nama baik serta melonjakkan bidang wakaf, zakat dan haji ke mercu kejayaan di dalam negara mahupun Antarabangsa. Walaupun JAWHAR hanya merupakan sebuah jabatan yang kecil tetapi semangat dan azamnya untuk lebih dikenali adalah amat besar. Hampir setiap tahun JAWHAR dan seluruh warganya meningkatkan daya usaha, idea, mencipta nilai tambah dan sentiasa responsive terhadap perubahan-perubahan baru yang didepani dalam usaha negara untuk mencapai status Negara Maju atau “*High Income Advanced Economy*” yang berlandaskan Maqasid syariah, Program Tranformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) mahupun Model Ekonomi Baru (MEB).

Dalam usaha pemerkasaan JAWHAR inilah, Pelan Strategik JAWHAR (2017 – 2020) digarapkan untuk bertindak sebagai garis panduan dalam perancangan (*blue-print*) setiap projek dan aktiviti/program tahunan JAWHAR. Pelan Strategik ini juga bakal memberi nilai cipta dan nilai tambah kepada JAWHAR. Pelan Strategik JAWHAR (2017 – 2020) ini telah diperincikan supaya sentiasa sejajar dan menepati aspirasi dan dasar semasa Kerajaan dalam *core business* JAWHAR.

Justeru, dengan pelaksanaan pelan strategik ini, visi JAWHAR untuk menjadi sebuah jabatan Kerajaan terunggul dalam ‘Memacu Transformasi Tamadun Ummah’ menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji bertaraf dunia yang dapat dirintis dengan jayanya satu hari nanti, insyaAllah.